

Bukan Niat Cari Publisiti Murahahan - Tan Lian Hoe
Bernama
16 Oktober, 2011

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Ketua Wanita Gerakan Datuk Tan Lian Hoe hari ini menjelaskan gesaannya supaya presiden parti Tan Sri Dr Koh Tsu Koon tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang bukan berniat mencari publisiti murahahan.

Sebaliknya, beliau berkata gesaan itu dibuat adalah untuk menyuntik semangat dan meningkatkan maruah Gerakan agar anggota parti itu berubah dan lebih berani.

"Ikhlas... saya tidak ada niat langsung untuk mendesak pucuk pimpinan letak jawatan tetapi meminta pucuk pimpinan, tidak kira pusat, negeri atau akar umbi, untuk buat keputusan demi survival parti," katanya semasa menggulung ucapan dasar Presiden pada hari terakhir Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan ke-40 di Menara PGRM di sini, hari ini.

Tan berkata parti perlu diubah dengan segera sebelum diubah sendiri oleh rakyat.

"Kita mesti kotakan janji, bukan hanya cakap dan terus bercakap sahaja.

"Kita mesti turun ke akar umbi, kita mesti ada semangat juang, berani dan yakin. Bayangkanlah sekiranya depan ada api dan kiri kanan ada api, adakah kita akan duduk sahaja dan membiarkan diri terbakar menjadi arang?" katanya.

Tan turut menyatakan sokongan tidak berbelah bahaginya ke atas apa jua keputusan yang dibuat pucuk pimpinan parti.

"Saya akan sentiasa bersama dan menyokong presiden (Koh) dan saya akan tetap dan setia dalam parti Gerakan," katanya.

Selain itu, Tan percaya parti itu boleh bangkit semula dan menawan lebih banyak kerusi yang ditandinginya pada pilihan raya umum akan datang.

Selesai membuat penggulungan, Tan bersalaman dengan Koh dan semua pucuk pimpinan parti yang duduk pentas utama, lalu disambut dengan tepukan gemuruh oleh semua perwakilan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620232>